

# UoP, UMS bakal tubuh program berkembar

DE 13.6.2014 7

KOTA KINABALU: University of Portland (UoP), Oregon sedang melihat untuk menubuhkan satu sekolah perubatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan akhirnya menubuhkan satu program berkembar di antara dua universiti itu.

Pegawai Hal Ehwal Kebudayaan, Kedutaan Amerika Syarikat, Arend C Zwartjes yang mengadakan kunjungan hormat kepada Mayor Datuk Abidin Madingkir berkata beliau sedang membuat susulan terhadap lawatan oleh Kedutaan AS ke Malaysia, Joseph Yun di sini bulan lepas.

Beliau memberitahu Madingkir bahawa Kedutaan telah memintanya untuk memuktamadkan penubuhan 'Portland and Kota Kinabalu Sister City' yang telah dibincangkan semasa lawatan Kedutaan di sini.

Antara lain, Madingkir mengucapkan terima kasih kepada Zwartjes kerana bertemu dengannya dan memaklumkan kepadanya bahawa Dewan Bandaraya Kota Kinabalu sedang mendapatkan kelulusan untuk cadangan penubuhan 'Portland and Kota Kinabalu Sister City'.